

Giant prihatin

*Rai anak yatim,
warga emas sempena
Tahun Baharu Cina*

KUALA LUMPUR

Rangkaian Pasaraya Giant memulakan kemeriahan awal Tahun Baharu Cina dengan meraikan golongan tidak bernasib baik, anak yatim dan warga emas di Program Perumahan Rakyat (PPR) Air Panas, Setapak, semalam.

Dalam program inisiatif dipanggil 'Big Heart Programme' ini, kakitangan Giant dan Pengarah Urusan CGH Retail (Malaysia) Sdn Bhd, Pierre-Olivier Deplanck bukan sahaja menyediakan jamuan, memberikan hadiah dan angpau, malah menyajikan tarian singa tradisional.

Giant juga menyediakan mural istimewa yang menampilkan maskot popular, Kak G sebagai simbolik pengiktirafan kepada kepelbagaian masyarakat dan budaya pel-



FOTO: GIANT

Kakitangan Giant dengan penduduk PPR Air Panas, Setapak, Kuala Lumpur.

bagai kaum di Malaysia.

Giant turut melancarkan kempen 'FUYOH' yang menawarkan tawaran dan promosi eksklusif sempena Tahun Baharu Cina tahun ini, bermula 27 Disember 2018 sehingga 20 Februari 2019.

Sambil itu, Giant juga menggalakkan pelanggan-pelanggan dari seluruh Malaysia untuk menyum-

bang kepada golongan tidak bernasib baik dengan menderma barang keperluan atau makanan melalui tong derma Giant, 'Buy and Drop' yang terletak di semua rangkaian Giant sehingga 28 Februari ini.

Kesemua barangan derma yang diterima akan diagihkan kepada keluarga dan kanak-kanak kurang bernasib baik melalui Yayasan MyKasih.